

Pusat sokong hasrat PBDS kern bali ke pangkuan BN3 -PM

SUBANG 3 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir, Mohamad berkata, Kerajaan Pusat menyokong hasrat Parti Barisan Dayak Sarawak (PBDS) untuk kembali ke pangkuan Rarisan Nasional (BN) Sarawak agar parti itu dapat menjalin semula hubungan baik dengan kerajaan negeri itu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, kenyataan Presiden PBDS, Dato' Leo Moggie yang bersedia meminta maaf dan ingin memasuki semula BN3 harus diambil kira.

"Bagaimanapun kita berpendapat kemasukan PBDS ke dalam BN3 mestilah didasarkan kepada keikhlasan dan BN di Sarawak perlu diberi sedikit masa lagi untuk menimbangakan perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Maharaja Akihito dan Maharani Michiko yang berlepas ke Jakarta setelah mengakhiri lawatan tiga hari ke negara ini, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini hat-i ini.

Semalam akhbar-akhbar melaporkan bahawa Dato' Leo Moggie bersedia untuk meminta maaf dan bertemu dengan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud bagi menyampaikan permohonan rasmi daripada PBDS untuk menyertai RN Sarawak.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, pihaknya juga akan mengkaji terlebih dahulu hasrat PBDS untuk menyertai BN3 kerana perkara itu sebenarnya melibatkan masalah dalaman di Sarawak.

Ditanya tentang pendirian Kerajaan Sarawak yang

scolah-olah keberatan untuk menerima PBDS, beliau berkata, Kerajaan Sarawak terlibat dalam perkara itu dan pendiriannya mengenai isu tersebut adalah berlainan sedikit dengan Kerajaan Pusat.

"Kita yang tidak terlibat secara langsung dalam masalah ini harus faham keadaan yang berlaku, saya berpendapat ini adalah fenomena sementara sahaja sebelum semuanya kembali pulih seperti sediakala," ujar beliau.

Berhubung dengan permintaan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud supaya PBDS meminta maaf daripada kerajaan negeri, Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan, pihaknya akan membincangkan perkara tersebut.

Dato' Leo Moggie dalam kenyataannya semalam menjelaskan, partinya menyedari bahawa mereka perlu menganggotai semula BN3 untuk menapai kemajuan di Sarawak dan pehaknya akan menerangkan kepada para penyokong parti itu mengenai langkah tersebut.

Dato' Leo menyatakan demikian ekoran kenyataan Tan Sri Haji Abdul Taib bahawa BN Sarawak masih belum 'benar-benar' bersedia untuk menerima PBDS dan mahukan PBDS ikhlas serta mengeneipkan politik perkauman sebelum menyertai semula BN negeri itu

Isnin lalu, Ketua Menteri itu dilaporkan berkata, PBDS telah menyatakan hasratnya untuk kembali dalam BN menerusi kawat tahniah yang disampaikan oleh Dato' Leo kepada beliau.